

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**KAWASAN : BATU KAWAN**

**SOALAN:**

**YB. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kutipan tol bagi Jambatan Pulau Pinang, Jambatan Sultan Abdul Halim Shah serta Tol BORR atau dalam 10 tahun ini mengikut pecahan tahun dan nyatakan juga sebab mengapa lebuhraya BORR dalam keadaan buruk dan sering kali banjir apabila hujan. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tempoh dari tahun 2005 hingga 2015, jumlah kutipan tol di Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) ialah masing-masing sebanyak RM1.75 bilion dan RM148 juta. Manakala bagi Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (JSAHMS) pula, jumlah kutipan tol terkumpul sejak 1 April 2014 hingga 31 Disember 2015 ialah sebanyak RM41 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa memastikan lebuh raya di negara ini (termasuk BORR) berada dalam keadaan yang selesa dan selamat kepada pengguna. Masalah air bertakung atau banjir kilat di lebu

raya kebiasaannya berpunca daripada peningkatan kapasiti jumlah air larian di permukaan jalan berikutan faktor hujan lebat. Ini mengakibatkan pergerakan air ke saluran yang berhampiran menjadi perlahan sehingga menjadi punca kenaikan aras air di kawasan lebuhraya. Sehubungan itu LLM akan berbincang dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenai sistem saluran setempat yang berkait dengan lebuhraya itu.

Sekian. Terima kasih.